

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

### 1. PENGENALAN

- 1.1. Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") dikeluarkan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi Platform Selangor ("**PLATS**", "**kami**", atau "**kita**") ini menerangkan bagaimana PLATS menghormati data peribadi setiap individu dan komited untuk melindungi data peribadi anda, selaras dengan peruntukan undang-undang data peribadi di Malaysia.
- 1.2. Notis ini berfungsi bagi memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi yang relevan milik anda atau dari pihak yang diwakili oleh anda akan dikumpulkan, diproses dan/atau disimpan oleh kami dan/atau pihak ketiga selari dengan terma dan syarat Notis ini. Notis ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak di antara anda dan PLATS selagimana anda menggunakan atau mengakses laman web PLATS ("**Laman Web**") perlu dibaca bersama dengan terma penggunaan Laman Web PLATS ("**Terma**"). Mana-mana perkataan bermula dengan huruf besar di dalam Notis ini akan mempunyai maksud yang sama di dalam Terma Laman Web PLATS.
- 1.3. Kami hanya memproses Data Peribadi anda (selepas ini ditakrif) tertakluk kepada Akta Perlindungan Peribadi 2010 ("**Akta**") termasuklah mana-mana peraturan, garis panduan, perintah yang di buat di bawah Akta dan mana-mana pindaan di dalam Akta dari masa ke semasa (selepas ini kesemuanya dirujuk sebagai "**PDPA**"), termasuklah Notis ini.
- 1.4. PDPA tersebut memerlukan kami untuk memaklumkan kepada anda mengenai hak anda berkenaan dengan bagaimana Data Peribadi anda diproses dan/atau dikumpul, termasuklah tujuan Data Peribadi anda diproses, pihak-pihak yang terlibat dalam pemprosesan Data Peribadi anda dan cara anda boleh mengakses dan meratifikasikan Data Peribadi anda. PDPA juga menuntut kami untuk mendapatkan kebenaran anda sebelum Data Peribadi anda diproses. Oleh yang demikian, kami amat komited dalam melindungi Data Peribadi anda.
- 1.5. Data Peribadi anda atau Data Peribadi bagi pihak yang diwakili oleh anda yang dikumpulkan oleh PLATS dan/atau melalui akses dan penggunaan Laman Web kami serta aplikasi mudah alih PLATS yang lain, anda adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Notis ini dan memberi kebenaran kepada kami untuk memproses Data Peribadi anda, tertakluk kepada Notis ini. Sekiranya anda memberikan Data Peribadi pihak ketiga kepada PLATS, anda dianggap telah mendapatkan kebenaran pihak ketiga tersebut untuk memproses Data Peribadi mereka. Dalam pada itu, sekiranya anda tidak memberikan Data Peribadi anda atau Data Peribadi pihak ketiga, kami tidak dapat memproses bagi tujuan yang termaktub dibawah.
- 1.6. PLATS berhak, atas budi bicaranya, untuk mengubah, menambah, mengeluarkan, mengemaskini dan/atau meminda Notis ini dari semasa ke semasa dengan memberi maklumat diberikan terlebih dahulu kepada anda. Kami akan memaklumkan sebarang pindaan tersebut kepada anda samada melalui pengumuman di Laman Web atau apa-apa kaedah yang bersesuaian. Perubahan dan/atau pindaan kepada Notis ini akan berkuatkuasa serta-merta sebaik sahaja pindaan pada Notis ini dimuat naik di Laman Web PLATS.

- 1.7. Notis ini tidak terpakai kepada aktiviti dan/atau kaedah amalan pihak ketiga yang bukan di bawah milikan atau kawalan kami, termasuklah tetapi tidak terhad kepada laman web, perkhidmatan dan aplikasi pihak ketiga yang anda pilih untuk mengakses dan memuat turun melalui Laman Web PLATS.

## **2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

- 2.1 Terma “**Data Peribadi**” merujuk kepada apa-apa maklumat yang berada di bawah milikan atau kawalan kami yang berkait secara langsung atau tidak langsung seseorang individu tersebut sehingga mana individu tersebut boleh dikenalpasti daripada maklumat tersebut atau maklumat lain di bawah milikan kami yang mana ianya hendaklah merangkumi tanpa had kepada nama anda, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan/nombor passport, tarikh lahir, gambar, alamat emel, maklumat isi rumah, nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat, alamat pendaftaran dan perniagaan, nombor telefon dan faks syarikat, dan maklumat lain tentang anda dan/atau syarikat anda yang telah anda berikan kepada kami melalui borang pendaftaran, borang permohonan atau apa-apa borang yang berkaitan yang telah atau dikumpul, direkodkan, dipegang, disimpan, digunakan dan/atau diproses oleh kami dari semasa ke semasa dan setakat mana yang diperlukan atau bersesuaian untuk penggunaan kami tertakluk kepada terma dan syarat Notis ini. Setakat yang diperlukan, Data Peribadi anda juga merangkumi maklumat peribadi yang sensitif seperti maklumat berkaitan dengan kesihatan, agama, maklumat kredit dan debit syarikat anda atau yang seangkatan dengannya.
- 2.2 Sekiranya anda merupakan ejen, penjual, pembekal atau kontraktor bebas (“**KB**”) dan/atau rakan sekutu bagi pihak KB (*rakan sekutu bermaksud mana-mana entiti atau orang, mengikut mana-mana keadaan, secara langsung atau tidak langsung yang mengawal, dikendalikan oleh atau di bawah kawalan yang sama seperti mana-mana entiti atau orang lain. Untuk tujuan definisi ini, istilah "kawalan" bermaksud kuasa untuk menguruskan entiti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melalui pemegangan saham, kontrak atau sebaliknya*), Data Peribadi anda adalah wajib untuk diberikan kepada kami dan kegagalan untuk memberi Data Peribadi anda mungkin merupakan pelanggaran undang-undang atau peraturan dan mungkin mengakibatkan pihak kami untuk tidak dapat menghubungi anda untuk memberikan perkhidmatan atau produk atau membuat bayaran kepada anda untuk produk atau perkhidmatan yang disediakan.

## **3. PENGGUNAAN DATA PERIBADI**

- 3.1 Data Peribadi anda yang dikumpulkan oleh PLATS akan diproses dan digunakan untuk tujuan berikut:-
  - a) untuk memudahkan dan/atau memberikan perkhidmatan atas permintaan anda sepertimana yang termaktub di dalam Laman Web ini;
  - b) untuk memproses permohonan atau permintaan anda dan untuk memberikan perkhidmatan kepada anda;
  - c) untuk menilai dan memproses permohonan atau permintaan anda dan untuk menyediakan produk dan/atau untuk membantu menyediakan perkhidmatan;

- d) untuk menjawab kepada sebarang pertanyaan atau permasalahan dan menyelesaikan apa-apa isu dan pertikaian yang mungkin berbangkit berkaitan dengan apa-apa urusan dengan kami;
- e) untuk memproses sebarang pembatalan dan/atau pembayaran balik bagi perkhidmatan yang tidak diberikan kepada anda, yang berkenaan, tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan tersebut;
- f) untuk memproses permintaan anda dan menyalurkan Laman Web kepada anda dan untuk menyediakan lesen penggunaan Laman Web kepada anda, sekiranya anda telah membuat permohonan untuk muat turun dan menggunakan Laman Web;
- g) untuk memproses, mengurus atau mengesahkan permohonan anda bagi tujuan langganan dengan kami dan untuk menyediakan apa-apa faedah lain yang ditawarkan kepada anda;
- h) untuk menyediakan maklumat terkini berkenaan dengan aktiviti, produk, perkhidmatan dan/atau majlis yang ditawarkan, dianjurkan, dikendalikan, disediakan, ditaja dan/atau yang diturut serta oleh kami dan/atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih yang mungkin mampu menarik minat anda dari masa ke semasa;
- i) untuk menjalankan kajian, pembelajaran, penilaian, tinjauan dan/atau menyediakan laporan/statistik;
- j) untuk tujuan menjalankan pemasaran terus melalui SMS, panggilan telefon, emel, faks, media sosial dan/atau apa jua saluran komunikasi bersesuaian, selaras dengan kebenaran anda;
- k) untuk memudahkan penglibatan dan/atau penyertaan anda, dan urus tadbir pentadbiran kami berkenaan dengan apa-apa majlis, termasuklah pertandingan, promosi atau kempen;
- l) untuk menjaga dan menambahbaik rekod simpanan dalaman;
- m) untuk tujuan pentadbiran dalaman;
- n) untuk menghantar jemputan kepada anda bagi menyertai majlis untuk tujuan promosi dan pelancaran produk;
- o) untuk mengawasi, meneliti dan memperbaiki majlis dan promosi, produk dan/atau perkhidmatan kami;
- p) untuk memproses dan menganalisis Data Peribadi anda secara individu atau secara kolektif dengan individu yang lain;
- q) untuk berkongsi Data Peribadi anda kepada juruaudit untuk tujuan audit dalaman dan perekodan;
- r) untuk tujuan audit, pengurusan audit dan keselamatan;
- s) untuk mengesan, menjalankan siasatan dan mengelakkan unsur penipuan atau aktiviti yang dilarang atau ditegah;
- t) untuk memastikan kami dapat menjalankan tanggungjawab dan melaksanakan hak kami di dalam apa-apa dokumen atau perjanjian yang mana kami adalah pihak di dalamnya;
- u) untuk mematuhi apa-apa keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang digunapakai kepada PLATS, dan membuat pendedahan selaras dengan keperluan mana-mana undang-undang, pengawalseliaan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling atau kod yang terpakai di Malaysia;
- v) untuk melaksanakan atau mempertahankan hak kami dan anda dan untuk mematuhi kewajipan kami di bawah undang-undang, dan pengawalseliaan sedia ada; dan/atau
- w) untuk apa-apa tujuan sampingan yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

3.2 Sekiranya anda adalah seorang ejen, penjual, pembekal, rakan kongsi, kontraktor:

- a) bagi tujuan melibatkan anda untuk menyediakan perkhidmatan dan/atau produk;
- b) untuk membantu atau membolehkan pemeriksaan yang diperlukan oleh kami untuk melibatkan penglibatan anda;
- c) untuk memproses pembayaran berkaitan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh anda; dan
- d) untuk memantau perkhidmatan atau produk yang diberikan oleh anda;

#### **4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI**

Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada PLATS, mungkin akan didedahkan untuk diproses dan digunakan bagi tujuan sepertimana yang termaktub di Klausula 3 Notis ini kepada pihak ketiga di bawah,:

- a) KB dan/atau rakan sekutu KB yang dilantik oleh kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda;
- b) kepada anak syarikat, mana-mana syarikat berkaitan, pemegang berkepentingan termasuklah ejen, penjual, pembekal, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin berkomunikasi dengan anda bagi tujuan memasarkan produk atau perkhidmatan mereka;
- c) badan penguatkuasa, badan kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa, sekiranya diperlukan atau yang diberi kuasa untuk menjalankan fungsi mereka di bawah mana-mana undang-undang atau berkaitan dengan perintah atau keputusan mahkamah;
- d) rakan strategik dan/atau rakan, ejen yang diberikuasa, kontraktor dan/atau penyedia produk atau perkhidmatan daripada pihak ketiga sepertimana yang ditentukan oleh PLATS sebagaimana perlu atau bersesuaian;
- e) penasihat profesional luar dan juruaudit; dan
- f) insititusi perbankan bagi tujuan memudahkan pembayaran, sekiranya perlu, dan/atau menjaga rekod kewangan berkaitan dengan hubungan perniagaan atau kontrak di antara PLATS dan anda dan/atau syarikat anda.

#### **5. KETEPATAN DATA PERIBADI ANDA**

Anda adalah dengan ini memberi bukti dan mengisytiharkan bahawa Data Peribadi anda adalah tepat, tidak mengelirukan, dikemaskini dan lengkap bagi tujuan mendapatkan atau digunapakai ke atas produk yang sesuai, perkhidmatan dan/atau fasiliti, dan anda tidak menahan apa-apa Data Peribadi yang mungkin dianggap penting dan kami menganggap Data Peribadi yang diberikan oleh anda adalah tepat untuk diproses. Anda dikehendaki dengan segera untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang kemaskini Data Peribadi anda sekiranya maklumat yang diberikan tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan, tidak dikemaskini atau terdapat perubahan yang mana ianya perlu dengan cara menghubungi kami sepertimana yang tertera di dalam Klausula 11 Notis ini. Adalah menjadi kewajipan bagi anda untuk memastikan ketepatan Data Peribadi anda bagi membolehkan kami memproses data tersebut bagi tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini. Sekiranya anda tidak bersetuju untuk memberikan kebenaran tersebut, PLATS tidak dapat memproses Data Peribadi tersebut sepertimana yang anda minta berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami.

## **6. HAK ANDA UNTUK MENGAKSES DAN PEMBETULAN**

- 6.1 Hak anda untuk mendapatkan akses, mengemaskini, memperbetulkan atau mengeluarkan Data Peribadi anda adalah tertakluk kepada pengecualian di bawah PDPA dan/atau mana-mana undang-undang dan pengawalseliaan berkaitan. Kami akan mengenakan fi untuk kos pentadbiran kami dalam memproses permintaan anda untuk mengakses dan mengemaskini dan/atau untuk memperbetulkan Data Peribadi anda. Walaubagaimanapun, kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau memperbetulkan Data Peribadi anda selagimana alasan tersebut dibenarkan oleh undang-undang.
- 6.2 Anda mempunyai hak pada bila-bila masa untuk mengehadkan proses dan penggunaan Data Peribadi anda (sebagai contoh, meminta kami untuk tidak lagi menghantar apa-apa material bagi tujuan pemasaran dan promosi) yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distress kepada diri anda.

## **7. PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA**

PLATS akan menyimpan Data Peribadi anda selaras dengan pematuhan Notis ini dan/atau terma dan syarat bagi perjanjian yang dimasuki oleh PLATS dengan anda dan/atau syarikat anda sepanjang selama tempoh perjanjian tersebut berkuatkuasa, atau bagi tempoh yang perlu untuk melindungi kepentingan kami dan/atau pihak berkepentingan selagimana perlu, dan selagimana menurut kepada pematuhan undang-undang dan/atau menurut kepada pematuhan terhadap Notis ini.

## **8. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk melindungi dan menyimpan Data Peribadi anda. Laman Web kami mungkin akan mempunyai pautan dengan web pihak ketiga dan kami tidak akan bertanggungjawab bagi polisi data, prosedur atau kandungan di dalamnya. Kami tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab daripada sebarang akses yang tidak dibenarkan atau dipintas atau kehilangan Data Peribadi yang berada diluar kawalan kami.

Nama pengguna dan kata laluan adalah penting untuk anda menggunakan Laman Web ini. Sebagai langkah perlindungan, kami memerlukan anda untuk merahsiakan dan menukar kata laluan secara berkala (sekiranya perlu).

## **9. PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANDA**

Kami mungkin akan memindahkan Data Peribadi anda bagi tujuan sepertimana yang termaktub di dalam Klausa 3 Notis ini kepada penyedia produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga sepertimana yang diperuntukkan di dalam Klausa 4 Notis ini, sama ada di dalam atau diluar Malaysia. Anda adalah dengan ini bersetuju untuk memindahkan Data Peribadi anda diluar Malaysia. Kami akan memastikan untuk mengambil langkah bersesuaian untuk memastikan Data Peribadi anda tidak digunakan untuk apa jua tujuan selain daripada yang dinyatakan di Notis ini dan kami juga akan melindungi kerahsiaan dan privasi Data Peribadi anda.

## **10. DATA PERIBADI DARIPADA INDIVIDU BAWAH UMUR DAN INDIVIDU LAIN**

Setakat mana maklumat berkenaan Data Peribadi anda yang telah (atau akan) diberikan kepada kami berkenaan dengan keluarga, pasangan dan/atau penjaga, anda adalah dengan ini mengesahkan bahawa anda telah memaklumkan kepada mereka terlebih dahulu berkenaan Data Peribadi mereka untuk diberikan, diproses dan disimpan oleh kami, dan anda mengaku janji dan memberi representasi bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada mereka bahawa Data Peribadi mereka akan diproses termasuklah didedahkan dan dipindahkan, tertakluk kepada Notis ini. Berkenaan dengan individu bawah umur lapan belas (18) tahun, atau individu yang tidak berkeupayaan untuk memberikan kebenaran, anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah dilantik oleh mereka untuk memberi kebenaran bagi pihak mereka bagi tujuan memproses (termasuklah mendedahkan dan memindahkan) Data Peribadi mereka, tertakluk kepada Notis ini.

## **11. MAKLUMAT KONTAK**

Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan, pertanyaan berkenaan dengan Notis ini, atau sebarang aduan mengenai akses atau pembetulan kepada Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi kami melalui butiran yang tertera seperti berikut:

### **PLATFORM SELANGOR**

Level 25, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Emel : [dis@mbiselangor.com.my](mailto:dis@mbiselangor.com.my)

No. Telefon : 03-5510 7105

No. Faks : 03-5510 7232

## **12. PINDAAN**

Pihak kami mungkin akan mengemas kini dan meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Kami akan memberitahu anda mengenai apa-apa pindaan kepada Notis ini melalui pengumuman di laman web kami atau cara-cara lain yang munsubah. Sila semak laman web kami dari masa ke semasa untuk mengetahui sebarang pindaan kepada Notis ini. Apa-apa pindaan kepada Notis ini akan berkuatkuasa sebaik sahaja Notis yang dipinda ini dimaklumkan dan diumumkan kepada anda melalui pengumuman yang termaktub di dalam Notis ini. Dengan terus menggunakan perkhidmatan kami dan laman web ini, dan selepas diberimaklum tentang apa-apa pindaan kepada Notis ini, anda akan dianggap bersetuju dengan pindaan tersebut.

### **13. KETIDAKTEKALAN**

Sekiranya terdapat sebarang ketidaktekalan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.